

Utusan Sarawak

Utusan Sarawak, 11 Januari 2018, Khamis



KENANGAN ... Abang Johari merakam gambar bersama delegasi daripada Persatuan Bekas Polis Malaysia Cawangan Negeri Sarawak. Turut kelihatan Benjamin (empat kanan) dan Abdul Wahap (empat kiri). • Foto PENRANJATI



KUNJUNGAN ... Abang Johari bersama delegasi Persatuan Bersara Sarawak yang diketuai oleh Naim Huzairi.

KM terima kunjungan lima delegasi

KUCHING Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg semalam menerima lima kunjungan hormat di pejabat beliau, Wisma Bapa Malaysia di sini.

Kunjungan hormat ini dimulakan dengan Persatuan Bekas Polis Cawangan Negeri Sarawak yang diketuai oleh Pengerusi Persatuan Bekas Polis Malaysia Negeri Sarawak ASP (B) Benjamin Geris Jalis bersama Persatuan Alumni Polis Sarawak yang diketuai oleh Datuk Abdul Wahap Abang Jula sebagai Presiden.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk memperkenalkan bimbingan Ahli Jawatankuasa Persatuan Polis Malaysia Negeri Sarawak yang baru dilantik bagi sesi 2018/2020 yang kini mempunyai 1,723 orang keahlian.

Sejurus selepas itu, Abang Johari menerima kunjungan hormat daripada delegasi Persatuan Bersara Sarawak yang diketuai oleh Presiden Persatuan

Bersara Sarawak Juhai Ismail.

Persatuan yang ditubuhkan sejak pada tahun 1971 ini mengadakan kunjungan hormat kepada Abang Johari bertujuan untuk memohon bimbingan yang digunakan secara sementara di Jalan Resorosi, Kuching yang telah digunakan sejak 10 tahun lalu bagi diberikan secara mik tetap.

Seterusnya, kunjungan hormat diteruskan dengan Pertubuhan Akitek Malaysia Sarawak Chapter (PAMSC) yang diketuai oleh Presiden PAM Sarawak Chapter Boon Joon Hin.

Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk memperkenalkan PAMSC yang kini bergiat aktif dalam penglibatan jawatankuasa bersama penunggang teknikal (JTCC) dan mempromosikan indeks bangunan hijau (GBI) kepada Abang Johari.

Delegasi seterusnya daripada Pertubuhan Sikh Mri yang diketuai oleh Presiden Naim Singh.

Kunjungan hormat ini diadakan untuk menyatakan sokongan kepada Ketua Menteri yang mengamalkan konsep polisi terbuka dan pada masa yang sama perjumpaan ini turut menyempit Abang Johari bagi program Majlis Makan Malam Tahunan yang diadakan pada bulan Mac ini di Mri.

Abang Johari turut menerima delegasi daripada Malaysian Dental Association Eastern Zone (MDAEZ) yang diketuai oleh Presiden MDAEZ Dr James Chhoa.

Kunjungan hormat ini adalah bertujuan untuk menyempit Abang Johari bagi Majlis Peranan 8th Borneo Dental Congress yang bakal diadakan di Kuching pada 23-25 Mac ini.

Turut hadir, Presiden 8th Borneo Dental Congress Dr Sim Wen Sann dan Timbalan Pengerah Kesihatan Negeri Sarawak (Periggian) Dr Chia Jit Chie - Penerangan



KENANGAN ... Abang Johari bergambar bersama delegasi PAMSC yang diketuai oleh Boon Joon Hin (empat kanan).